

BERITA HARIAN, SELASA, 9 JUN, 1981

Mahathir: Jangan sentuh peribadi

Oleh NORDIN MOHAMAD

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan calon-calon yang bertanding merebut jawatan pucuk pimpinan UMNO dan penyokong-penyokong mereka memberhentikan kempen-kempen menyentuh peribadi calon lain.

Timbalan Presiden UMNO Malaysia itu berkata, mereka hendaklah mengelak dari membuat sebarang kenyataan umum menyentuh peribadi seseorang calon sehingga boleh diambil kesempatan oleh parti-parti pembangkang.

Ditanya sama ada beliau sedar calon-calon yang bertanding jawatan Timbalan Presiden dan penyokong kedua pihak berkempen menyentuh soal peribadi, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Mereka dan penyokong masing-masing nampaknya berbuat begitu, tetapi tidak menyebut nama."

"Kalau tidak sebut namapun, orang ramai akan membuat tafsiran sendiri, oleh itu kempen-kempen seumpama itu hendaklah diberhentikan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan persidangan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Daerah, di Dewan Tuanku Abdul Rahman, di sini hari ini.

Kepada satu pertanyaan lain, Datuk Seri Dr. Mahathir kurang pasti sama ada Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam akan berkompromi dalam pertandingan mereka bagi jawatan Timbalan Presiden.

"Tanyalah mereka sendiri," katanya.

Mengenai cadangannya supaya kedua-dua tokoh itu turut bertanding jawatan Naib Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata lagi, terpulanglah kepada mereka, kerana menurutnya, nasihatnya itu telah difahami oleh kedua tokoh berkenaan.

Kedua-dua mereka tahu apa yang saya mahu, jadi tidak payah saya memanggil mereka berbincang, tambah beliau.

Katanya lagi, beliau tidak akan memanggil tokoh-tokoh tersebut berbincang, kerana hasrat dan pandangannya adalah jelas.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Timbalan Perdana Menteri menegaskan, para perwakilan yang akan menghadiri Perhimpunan Agung UMNO pada 26 Jun ini telah mempunyai gambaran terhadap kemampuan calon-calon yang akan dipilih, sebab itulah kempen-kempen perlu diberhentikan.

Beliau berkata, "Saya fikir ahli-ahli UMNO yang menjadi perwakilan telah mempunyai pandangan-pandangan dan pilihan calon yang akan dipilih dalam perhimpunan itu nanti."

Bagaimanapun, tambah beliau, dalam hubungan ini, "kita jangan bersikap (acuh tak acuh)."

Katanya lagi, "Apa yang kita lihat, tidak serupa dengan apa yang akan berlaku, saya belajar daripada pengalaman saya sendiri."

Datuk Seri Dr. Mahathir puashati kerana dalam menjalankan kempen-kempen pemilihan pucuk pimpinan parti itu, para calon tidak menggunakan jentera kakitangan dan tabung Kerajaan seperti yang pernah disuarakannya baru-baru ini.

Sementara itu, berdasarkan perkembangan setakat ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menang tanpa bertanding jawatan Presiden UMNO Malaysia yang ke 5, demikian diumumkan oleh Setiausaha Agung UMNO, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar petang ini.

Katanya, walaupun tarikh akhir jawapan menerima pencalonan ditutup hingga jam 5 petang esok, kepastian bagi Datuk Seri Dr. Mahathir memenangi jawatan itu berdasarkan kepada penarikan diri dua tokoh lain.